

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN KURIKULUM DAN BUKU PANDUAN LATIHAN PENDIDIKAN  
KEHIDUPAN BERKELUARGA,  
Lokasi : HOTEL MING COURT, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 30-07-1985

Dif-Dif Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama hadir di Majlis petang ini. Saya juga berasa bangga kerana diberi peluang melancarkan Kurikulum dan Buku Panduan Latihan Pendidikan Kehidupan Berkeluarga bagi Pertubuhan-Pertubuhan Belia. Penciptaan satu kurikulum seumpama ini adalah tepat pada masanya, bukan sahaja sempena Tahun Belia Antarabangsa, tetapi juga Kurikulum ini perlu diadakan untuk membantu kalangan belia kita.

2. Pertubuhan-pertubuhan belia memang perlu memainkan peranan yang penting untuk membangunkan mutu kesihatan jasmani, rohani dan kebajikan keluarga-keluarga belia atau remaja. Keluarga belia seharusnya berusaha mendidik anak-anak mereka sesuai dengan nilai-nilai agama dan sosial di negara kita. Tetapi sekarang ini kebanyakan daripada ibu bapa tidak dapat memainkan peranan masing-masing dengan berkesan kerana unit keluarga menghadapi cabaran-cabaran baru. Justeru itu sebarang usaha yang dapat mendidik belia mengenai hidup berkeluarga haruslah disanjung.

3. Dalam hal ini, Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia patutlah dipuji kerana usahanya menyusun program bagi pembangunan kehidupan berkeluarga. Kurikulum dan Buku Panduan Latihan ini boleh dikatakan satu kejayaan Persekutuan tersebut.

4. Kaum belia adalah harapan negara di masa depan. Jadi kegiatan pembangunan kaum belia adalah satu perkara yang mesti diberi perhatian. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telahpun mengisytiharkan tahun 1985 ini sebagai Tahun Belia Antarabangsa. Semenjak itu satu rancangan bertindak telahpun dilaksanakan bagi memberi kesempatan kepada para belia melibatkan diri dalam pembangunan negara. Oleh itu para belia hendaklah melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan hendaklah juga pandai menyesuaikan diri mereka dengan perubahan-perubahan serta kemajuan dalam berbagai bidang. Inilah cabaran yang harus mereka hadapi di masa depan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Di Malaysia, kita telahpun menyaksikan beberapa perkembangan dan perubahan sosial. Kini terdapat penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar dengan begitu pesatnya. Sejumlah 35 peratus penduduk negara tinggal di bandar pada tahun 1980, berbanding dengan 29 peratus sahaja tahun 1970. Trend itu masih lagi berterusan. Golongan terbesar penduduk bandar pula terdiri daripada belia dan ahli-ahli keluarga belia di bawah umur 30 tahun. Sistem kekeluargaan yang besar dan yang bersedia bantu-membantu tidak lagi begitu berpengaruh sekarang, terutama di bandar-bandar, sebaliknya ibu-bapa seringkali menghabiskan masa bertugas di tempat kerja sehingga lewat petang, sehingga memberi kesan kepada kehidupan keluarga mereka. Di samping itu, bilangan dan jenis kes yang di uruskan oleh mahkamah kanak-kanak atau 'juvenile courts' di Malaysia adalah semakin meningkat dan ini membuktikan kesan hubungan kekeluargaan yang kurang erat. Penyalah-gunaan dadah yang meningkat juga merupakan satu lagi tanda mengenai kesan buruk daripada gejala ini.

6. Soalan yang penting bagi kita ialah: Apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah-masalah belia dan cara manakah kita dapat menolong belia melibatkan diri dalam proses pembangunan negara? Beberapa ciri-ciri peribadi para belia seperti semangat yang kuat, bertenaga dan kreatif adalah sumber penting dalam pembangunan negara.

Sumber-sumber penting di kalangan belia ini haruslah digunakan sepenuhnya. Berdasarkan perkara inilah tema "Penyertaan, Pembangunan dan Keamanan" telah dipilih bagi Tahun Belia Antarabangsa. Galakkan serta peluang untuk kaum belia menyertai berbagai kegiatan pembangunan amatlah

dialu-alukan. Saya percaya dengan adanya peluang seperti ini para belia di negara ini khasnya tidak akan ketinggalan dalam apa juga bidang pembangunan. Ia akan mendorong para belia menyedari akan tanggungjawab mereka terhadap kesejahteraan keluarga, bangsa dan agama.

7. Dalam konteks ini, pendidikan merupakan unsur penting bagi mendidik para belia supaya bertanggungjawab dalam kehidupan mereka, keluarga-keluarga mereka serta berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Soalnya, siapakah yang patut bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan kepada belia? Meskipun peranan penting ini dimainkan oleh keluarga belia sendiri dan oleh sistem pelajaran kita, pertubuhan-pertubuhan belia seharusnya boleh memainkan peranan yang sama oleh kerana pertubuhan-pertubuhan belia mempunyai peluang berdamping rapat dengan mereka.

8. Di samping itu sejumlah 61 peratus penduduk negara ini terdiri daripada para belia berumur 24 tahun ke bawah.

Mereka memerlukan juga pendidikan secara tidak formal atau 'non-formal education' supaya mereka menjadi orang dewasa yang bertanggungjawab. Usaha Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia yang menyelaraskan segala usaha untuk memperkenalkan 'Pendidikan Kehidupan Berkeluarga' dalam rancangan latihan pertubuhan-pertubuhan belia bolehlah dianggap sebagai pendidikan tidak formal.

Untuk menjayakan usaha ini, saya menyeru pertubuhan-pertubuhan belia supaya menyokong penuh usaha Persekutuan ini.

9. Saya juga ingin menyeru para belia supaya menanam perasaan hormat dan kasih sayang kepada semua lapisan masyarakat, apatah lagi kita hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum. Pertubuhan-pertubuhan belia boleh memberi sumbangan yang bermakna bagi mewujudkan suasana harmoni di kalangan belia semua kaum di negara ini.

10. Saya merasa gembira dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Persatuan Pengakap Malaysia, Persatuan Pandu Puteri, St.

John Ambulans Malaysia dan lain-lain lagi yang telah bekerjasama dalam usahanya melaksanakan skim pendidikan kehidupan berkeluaraga di kalangan belia di negara ini.

Pertubuhan-pertubuhan tersebut telah bekerjasama dengan Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga, bukan sahaja dengan menyertai bengkel-bengkel dan latihan-latihan yang dianjurkan oleh Persekutuan ini, tetapi juga telah mengambil langkah memasukkan kurikulum ini dalam rancangan-rancangan mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga atas usahanya menggubal Kurikulum dan Buku Panduan Latihan ini. Saya berharap rancangan ini, dengan kerjasama dan bantuan daripada Pertubuhan-Pertubuhan Belia akan merupakan satu langkah jangka panjang ke arah kemajuan para belia kita.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pertubuhan-pertubuhan yang telahpun mengorak langkah melaksanakan skim pendidikan ini.

12. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada individu-individu yang telah bertungkus lumus untuk menggubal Kurikulum ini. Saya juga tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tabung Aktiviti Penduduk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, atau UNFPA, yang telah memberi bantuan kewangan dan nasihat untuk menjayakan projek ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan, 13. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan Kurikulum dan Buku Panduan Latihan Pendidikan Kehidupan Berkeluarga bagi Pertubuhan-Pertubuhan Belia ini dengan

rasminya.

Terima kasih.